

# MAJLIS HARI KUALITI UTeM

*Ballroom, MITC, Ayer Keroh, Melaka*

**13 JUN 2008 (JUMAAT)**

# '08



Mula berkhidmat di UTeM sejak 1 Mac 2003 sebagai Pembantu Perpustakaan, **Mohd Nasir** aktif dalam pelbagai aktiviti dan komited terhadap kerjayanya. Beliau bukan sahaja dedikasi terhadap kerjanya malah beliau juga aktif dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pihak universiti dan juga penduduk setempat. Dalam menjalani kehidupan sebagai staf di Perpustakaan UTeM, beliau telah pun menjalani beberapa latihan seperti Kursus Adobe Basic, Kursus Pengurusan Fail dan Rekod, Kursus Asas Pertolongan Cemas dan CPR dan lain-lain. Selain mempunyai pengalaman kerja selama 22 tahun di Jabatan Penjara Malaysia iaitu di Unit Kaunseling, beliau juga merupakan Pegawai Teknik Sukan di Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia.



Norhairol bin Khalid • Pembantu Perpustakaan



Mohd Nasir Bin Hashim • Pembantu Perpustakaan

**Norhairol bin Khalid** yang bertugas sebagai Pembantu Perpustakaan telah berkhidmat di UTeM selama enam tahun. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau, penglibatan di dalam bidang sukan diantaranya ialah bola sepak, boling, olahraga, kolam dan juga badminton. Minat beliau di dalam sukan menyebabkan beberapa kali beliau telah dipilih untuk mewakili jabatan. Selain daripada bergiat aktif di dalam bidang sukan, beliau juga bergiat di dalam persatuan. Beliau telah menjadi ahli beberapa persatuan seperti BAKUTeM, Koperasi UTeM dan KEKUTeM.

# PERPUSTAKAAN



**Elfa Laily** bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNYA telah dipilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2005. Penghargaan yang diterima ini merupakan rezeki yang tidak diduga dan akan menjadi kenangan manis dalam hidupnya.

Ketika ini beliau bertugas sebagai Setiausaha di Pejabat Perpustakaan serta memangku tugas Setiausaha di Pejabat Penerbit. Sebelum bertugas di UTeM, beliau mempunyai pengalaman selama tujuh tahun bertugas sebagai Setiausaha di sektor swasta. Menurut beliau, tugas Setiausaha di zaman ini amat mencabar dan bukan sekadar menjadi 'Gadis Penghias Pejabat' seperti pandangan masyarakat di awal 90-an dahulu sebaliknya Setiausaha sekarang berperanan sebagai 'tulang belakang' dan 'orang tengah' di antara ketua dan kakitangan di bawah seliaannya. Kerana itu, sesuatu permasalahan yang timbul perlu ditangani secara bijaksana bagi memastikan arahan ketua dipatuhi dan hubungan sesama rakan sekerja terpelihara.

Di kesempatan ini beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada suami tercinta dan keluarga yang selalu menasihati dan mendoakan, kepada sahabat-sahabat di UTeM khasnya kepada semua Setiausaha, staf Perpustakaan dan Penerbit yang tidak jemu-jemu membantu melancarkan tugas seharian. Tidak dilupakan kepada insan-insan berilmu yang telah mengajar ilmu 'MENGENAL MANUSIA' yang tidak boleh dipelajari dari mana-mana universiti.

i) Prof. Madya Goh Ong Sing - Mantan Pengarah Penerbit

ii) Puan Hjh. Faridah Hj. Md. Amin - Ketua Pustakawan

**Elfa Laily binti Mohd Sahir @Mohd Ramli , Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)**